

NIKMAT DUNIA YANG SEMENTARA

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنَسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،
فِيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kepada Allah *Subhanahu wa-Taala* dengan melaksanakan segala perintah dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita diberkati dan diredai Allah *Subhanahu wa-Taala* di dunia dan akhirat.

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,

Kehidupan duniawi adalah bersifat sementara. Ia hanyalah sebagai tempat untuk kita mencari dan mengumpul sebanyak mungkin bekalan bagi kehidupan di akhirat yang kekal abadi. Kehidupan di dunia ini juga umpama perhentian seorang musafir buat seketika untuk sampai ke tempat tujuannya.

Dalam sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari, pernah pada suatu ketika Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam mendatangi seorang sahabat yang bernama Abdullah bin Umar Radhiallahu anhuma dengan memegang kedua-dua bahunya sambil berpesan dengan sabdanya:

كُنْ فِي الدُّنْيَا كَأَنَّكَ غَرِيبٌ أَوْ عَابِرُ سَبِيلٍ

Yang bermaksud: "Jadilah kamu di dunia ini seolah-olah kamu orang asing atau seorang pengembara."

Malah Allah *Subhanahu wa-Taala* juga telah memberikan peringatan kepada kita tentang hakikat kehidupan dunia ini melalui firman-Nya dalam surah Ghaafir ayat 39:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
يَقَوْمِ إِنَّمَا هَذِهِ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا مَتَاعٌ وَإِنَّ الْآخِرَةَ هِيَ دَارُ الْقَرَارِ ﴿٣٩﴾

Yang bermaksud: "Wahai kaumku! Sesungguhnya kehidupan dunia ini hanyalah kesenangan (untuk sementara waktu sahaja), dan sesungguhnya hari akhirat itulah sahaja negeri yang kekal."

Sidang Jumaat Yang Dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,

Allah *Subhanahu wa-Taala* telah memperingatkan kita agar sentiasa berhati-hati dan berwaspada terhadap tipu daya kehidupan dunia melalui firman-Nya dalam surah Faathir ayat 5.

يَا أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ وَعْدَ اللَّهِ حَقٌّ فَلَا تَغُرَّنَّكُمُ الْحَيَاةُ الدُّنْيَا وَلَا يَغُرَّنَّكُم بِاللَّهِ الْغُرُورُ

Yang bermaksud: Wahai umat manusia, sesungguhnya janji Allah (untuk membalas amal) adalah benar, maka janganlah kamu diperdayakan oleh kehidupan dunia dan janganlah syaitan yang pandai menipu itu berpeluang memperdayakan kamu tentang Allah.

Namun apa yang kita dapat saksikan ialah masih terdapat sebahagian besar daripada kalangan manusia yang mengutamakan kehidupan dunia lebih daripada kehidupan akhirat. Seluruh hidup mereka digunakan untuk mencari kesenangan dan kenikmatan hidup di dunia semata-mata. Mereka menganggap kehidupan di akhirat hanyalah khayalan kosong sahaja. Allah *Subhanahu wa-Taala* menjelaskan hal ini dalam surah al-Insan ayat 27.

إِنَّ هَتُوْلَاءِ تُحِبُّونَ الْعَاجِلَةَ وَيَذْرُونَ وَرَاءَهُمْ يَوْمًا ثَقِيلاً ﴿٢٧﴾

Yang bermaksud: *Sesungguhnya orang (yang menentangmu) itu sentiasa mencintai (kesenangan dan kemewahan dunia) yang cepat habisnya serta mereka membelakangkan (tidak menghiraukan bekalan) untuk hari akhirat yang amat berat (penderitaannya).*

Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* mengingatkan kita bahawa mencari kenikmatan dunia melebihi kenikmatan akhirat hanya akan menyebabkan seseorang itu gagal untuk memperolehnya. Sabda Rasulullah *Sallallahu Alaihi Wasallam* dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Tirmizi.

مَنْ كَانَتْ الْآخِرَةُ هَمَّهُ جَعَلَ اللَّهُ غِنَاهُ فِي قَلْبِهِ وَجَمَعَ لَهُ شَمْلَهُ وَأَتَتْهُ الدُّنْيَا وَهِيَ رَاغِمَةٌ
وَمَنْ كَانَتْ الدُّنْيَا هَمَّهُ جَعَلَ اللَّهُ فَقْرَهُ بَيْنَ عَيْنَيْهِ وَفَرَّقَ عَلَيْهِ شَمْلَهُ وَلَمْ يَأْتِهِ مِنَ الدُّنْيَا إِلَّا مَا
قُدِّرَ لَهُ

Yang bermaksud: *“Barangsiapa yang keinginannya untuk mendapatkan akhirat, maka Allah akan memberikan kecukupan dalam hatinya, Allah akan mengumpulkan seluruh keinginannya, dunia akan datang tunduk kepadanya. Barangsiapa yang keinginannya untuk mendapatkan dunia, maka Allah menjadikan kefakiran di matanya (tidak pernah merasa cukup), Allah akan*

mempelbagaikan lagi keinginannya dan dunia tidak akan datang kepadanya kecuali sekadar yang ditetapkan baginya.”

Sidang Jumaat yang Dirahmati Allah *Subhanahu wa-Taala*,

Oleh itu marilah kita meluruskan tujuan hidup kita dan memanfaatkan kehidupan dunia yang hanya sementara ini dengan mempertingkatkan ibadah kepada Allah *Subhanahu wa-Taala* seperti mengajak ahli keluarga dan sanak saudara agar membiasakan solat berjemaah di masjid, menghadiri majlis-majlis ilmu, berbakti kepada kedua ibu bapa dengan sentiasa membantu, menziarahi dan bertanya khabar tentang diri mereka, berbuat baik kepada orang lain terutama jiran tetangga, menghulurkan bantuan kepada golongan yang memerlukan seperti fakir miskin, anak-anak yatim, ibu-ibu tunggal yang kurang berkemampuan di samping istiqamah melakukan seluruh perintah Allah *Subhanahu wa-Taala* dan menjauhi larangan-Nya.

Hakikatnya kita tidaklah dilarang untuk menikmati kesenangan hidup di dunia ini. Namun janganlah kerana bertungkus lumus mengejar impian di dunia sehingga ke masjid pun kita terlalai dan lupa untuk mencari kenikmatan di akhirat yang abadi. Marilah kita bersama-sama mengambil iktibar melalui firman Allah *Subhanahu wa-Taala* dalam surah al-Qasas ayat 77:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَأَتَّبِعْ فِي مَآءِ اتِّلَاكَ اللَّهُ الدَّارَ الْآخِرَةَ ۗ وَلَا تَنْسَ نَصِيبَكَ مِنَ الدُّنْيَا ۗ وَأَحْسِنَ
كَمَا أَحْسَنَ اللَّهُ إِلَيْكَ ۗ وَلَا تَتَّبِعِ الْفَسَادَ فِي الْأَرْضِ ۗ إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ ﴿٧٧﴾

Yang bermaksud: "Dan carilah pada apa yang dikurniakan oleh Allah kepadamu akan kebahagiaan hari akhirat dan janganlah engkau melupakan bahagianmu daripada dunia ini serta berbuat baiklah (kepada hamba-hamba Allah) sebagaimana Allah berbuat baik kepadamu, dan janganlah engkau melakukan kerosakan di muka bumi, sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang yang berbuat kerosakan."

بَارَكَ اللَّهُ لِيْ وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِيْ وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.